

20 JUN 1998

Umno-Buku

BUKU MEMBURUK-BURUK ANWAR LIBATKAN ORANG DALAM

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- Seorang perwakilan ke perhimpunan agung UMNO hari ini mendakwa bahawa "orang dalam" parti yang bertanggungjawab mengedar dan mencetak sebuah buku yang menfitnah Timbalan Presiden Umno Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ruslan Kassim, mewakili Umno Negeri Sembilan memberitahu perhimpunan itu dia mempunyai bukti siapa dibelakang penerbitan buku itu yang dilarang pengedarannya menerusi perintah Mahkamah sehari sebelum perhimpunan agung.

Wakil Pergerakan Pemuda UMNO, Mohd Supardi Mohd Nor mahu pimpinan parti mengambil tindakan tatatertib ke atas anggota parti yang bertanggungjawab menerbit dan mengedar buku itu.

Menurut kenyataan peguamcara Anwar Tetuan Faiz and Co buku itu berjudul "50 Dalil Kenapa Anwar tidak boleh jadi Perdana Menteri" diterbitkan oleh Media Pulau Legenda dan ditulis oleh Khalid Jafri.

"Kita telah menemui bukti penulisan buku itu didokong kerabat dalam parti kita dan siasatan kita mendapati penerbitnya menyewa sebuah premis perniagaan milik kerabat kita dalam parti Umno juga," katanya ketika membahas menyokong ucapan dasar Presiden Datuk seri Mahathir Mohamad pada hari kedua perhimpunan agung.

Ruslan dari Bahagian Jempol berkata dia memperolehi nama pemilik premis itu setelah menyemaknya dengan Pendaftar Syarikat (ROC).

Beliau menyoal para perwakilan sama ada perlu didedahkan nama pemilik premis itu dan beberapa orang menjawab "perlu,".

Beliau kemudian menyatakan nombor kad pengenalan dua pengarah syarikat berkenaan.

Ruslan mendakwa beberapa petugas di pejabat urusetia ibu pejabat parti juga terlibat dengan pengedaran buku itu buku itu terdapat dalam beg beberapa orang perwakilan.

Supardi ketika membahaskan usul itu, meminta parti mengambil tindakan terhadap "pembuat, pengedar dan penaja" buku berkenaan.

"Ini adalah satu fitnah dan dakyah yang besar, ini adalah kerja si Kitul di zaman moden," katanya merujuk kepada watak Kitul dalam sejarah Melayu yang menjadi penyebab kepada kejatuhan kesultanan Melaka.

"Kalau benar terbukti anggota Umno merupakan pengedar, penaja dan pembuatnya, kita minta kepimpinan melucutkan keanggotaan mereka kerana kita tak mahu ada anggota seperti ini.

"Mereka ini lebih jahat daripada media asing dan pihak Barat kerana tujuan mereka ialah untuk memecah-belahkan rakyat dan anggota parti," katanya.

--BERNAMA

NHD RAZ WAT